

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR  
MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah ada usaha mempertingkatkan dan mengkaji semula “Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi”, serta program “audit bagi projek keselamatan cerun” supaya masalah cerun runtuh dapat diatasi dan keselamatan penduduk terpelihara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan (GPP) Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi pada tahun 2009. GPP ini dibuat untuk menyelaraskan dua garis panduan sedia ada iaitu Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit yang disediakan oleh KPKT pada tahun 1997 dan Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Tanah Tinggi oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (KSAAS) pada tahun 2005.

2. GPP Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi ini bertujuan untuk digunakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana dalam merancang dan mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tanah berbukit, tanah tinggi, lereng bukit dan kawasan sekitarnya. Kawalan perancangan bagi pembangunan secara umumnya adalah mengikut kelas dan ketinggian seperti berikut:

- a. Kelas I - Pembatasan geoteknikal yang rendah seperti cerun yang dipotong  $<15^{\circ}$ ;
- b. Kelas II - Pembatasan geoteknikal yang sederhana seperti terain in-situ dengan cerun  $\geq 15^{\circ}$  dan  $<25^{\circ}$ ;
- c. Kelas III - Pembatasan geoteknikal yang tinggi seperti terain in-situ dengan cerun  $\geq 25^{\circ}$  dan  $<35^{\circ}$ ; dan
- d. Kelas IV - Pembatasan geoteknikal yang ekstrem seperti terain in-situ dengan cerun  $\geq 35^{\circ}$ .

Maklumat terperinci berhubung syarat-syarat pembangunan mengikut kelas ini boleh dirujuk di GPP Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi ini.

3. KPKT mempunyai perancangan untuk menterjemahkan GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) ke dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan. KPKT juga akan terus memantau dari semasa ke semasa jika terdapat sebarang isu berkaitan pemakaian GPP ini dan bersedia untuk melaksanakan kajian bagi penambahbaikan GPP ini sekiranya terdapat keperluan.

### **Program Audit Bagi Projek Keselamatan Cerun**

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil serius terhadap isu-isu cerun yang melibatkan keselamatan rakyat. Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa melaksanakan pemantauan cerun bahaya yang berisiko secara aktif dengan menggunakan kaedah pemantauan berkala, pemantauan berterusan serta pembangunan berperingkat pelan pemetaan cerun bahaya dan berisiko seperti berikut:

- (a) **Pelan Pemetaan Cerun Bahaya:** Peta risiko cerun telah mula dibangunkan sejak tahun 1996. Peta bahaya dan risiko cerun ini telah dibangunkan secara berperingkat di sepanjang Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia. Kerajaan melalui JKR juga telah membangunkan *Integrated Slope Management System* (ISMAS) bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan cerun-cerun yang bahaya dan berisiko ini;
- (b) **Pemantauan berkala:** Pemantauan berkala turut dilaksanakan oleh semua Jurutera Daerah terutama di musim tengkujuh. Ini termasuklah melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko cerun runtuh, pemeriksaan dan penyenggaraan serta pembaikan kecil

cerun bagi mengelak runtuh cerun yang lebih besar. Kerja-kerja penyenggaraan rutin yang bersifat pembaikan (*corrective*) dilaksanakan mengikut keutamaan. Malah terdapat juga kerja-kerja pencegahan (*preventive*) dilaksanakan bagi cerun-cerun yang telah dikenal pasti berisiko dan mendatangkan bahaya kepada pengguna;

- (c) **Pemantauan berterusan:** Pemasangan alat-alat sistem amaran awal di cerun-cerun yang sangat berisiko bagi memantau pergerakan cerun; dan
- (d) **Khidmat nasihat:** Kerajaan melalui JKR turut melaksanakan projek-projek pembaikan cerun yang melibatkan bangunan dan premis-premis kerajaan. Malah pihak JKR bersedia untuk memberikan khidmat nasihat berkaitan cerun kepada mana-mana agensi yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.